

06/09/2000

Psikologi atasi kes salah laku

Tinta Emas

KEBELAKANGAN ini, gejala salah laku di kalangan pelajar sekolah menengah telah menular menjadi barah yang berbahaya kepada masyarakat dan negara. Soalnya mengapa semua ini berlaku? Pelbagai pandangan yang diberikan. Ada yang menuding jari mengatakan ibu bapa yang bersalah.

Kajian yang dibuat Bahagian Perancangan Penyelidikan Dasar, Kementerian Pendidikan mengenai kegiatan samseng di sekolah menengah harian seperti membunuh dan 'kaki pukul' meningkat secara drastik.

Sebagai contoh pada 10 April lalu, seorang guru disiplin wanita ditampar oleh pelajar Tingkatan 5 selepas ditegur guru kerana berambut panjang. Malah, lebih memeranjatkan, beberapa bulan lalu berlaku kebakaran bilik guru disiplin yang dilakukan beberapa orang pelajar di sebuah Sekolah Menengah di Shah Alam, Selangor.

Pada 16 Julai baru-baru ini berlaku kes pukul yang dilakukan lima remaja dan empat pelajar sekolah. Mereka menyerang tiga pelajar sekolah agama. Kesimpulannya, pelajar hari ini cukup berani. Kita pasti berbangga jika keberanian itu ke arah amal makruf. Lebih malang, pelajar Melayu yang beragama Islam yang paling ramai terbabit dalam salah laku. Sedangkan, Islam telah menggariskan panduan kepada penganut ketika berdepan dengan sebarang situasi. Adakah pelajar yang terbabit dalam salah laku ini menjadikan ajaran Islam sebagai panduan?

Salah laku yang telah menular menjadi barah ini masih boleh diubati. Api 'gengsterisme' yang sedang menyala boleh dipadamkan. Dalam mengatasi gejala ini, guru memainkan peranan penting. Jika dikaji dan direnung dengan lebih mendalam, kekurangan guru lelaki mungkin salah satu faktor salah laku ini meningkat. Lazimnya guru lelaki lebih ditakuti dan digeruni disebabkan ketegasannya. Guru disiplin biasanya berperwatakan serius dan garang. Keadaan ini mungkin sesuai ketika tahun 90-an.

Tetapi, pada abad ke-20, dalam era pembangunan teknologi canggih ini, kebanyakan pelajar sekolah menengah yang sedang di peringkat mencari dan mengenal diri iaitu peringkat alam remaja tidak suka kekerasan. Jika dulu rotan adalah ubat segala penyakit salah laku. Tetapi hari ini, rotan boleh menjadi racun yang berbisa. Justeru, salah laku boleh dikawal walaupun kekurangan guru lelaki. Ini kerana guru wanita mempunyai ciri-ciri istimewa.

Sesuai dengan fitrah semulajadi wanita, mereka mempunyai naluri keibuan seperti penyayang dan memahami. Naluri keibuan ini berupaya mendorong pelajar meluahkan masalah mereka untuk diselesaikannya dengan cara yang positif. Oleh itu, naluri keibuan setiap orang guru perlu ditonjolkan dan bukan disembunyikan dengan wajah yang serius dan memegang rotan.

Semua guru tidak kira sama ada lelaki atau perempuan perlu dilengkapi ilmu psikologi secukupnya dan bersedia sepenuhnya berhadapan dengan kerjaya mereka. Ini kerana, profesion guru bukan setakat mengajar akademik saja malah mengajar supaya pelajar mempunyai akhlak yang mulia dan nilai murni tertanam dalam diri pelajar.

Ibu bapa dan guru haruslah peka dengan setiap perkembangan pelajar. Janganlah 'sudah terhantuk baru hendak terngadah' atau apabila 'nasi menjadi bubur' barulah hendak memikirkan tentang anak mereka dan pelajar bermasalah. Pelajar yang bermasalah teruk sukar untuk dibawa berbincang.

Namun begitu, tugas mengawal salah laku tidak boleh ditanggung sepenuhnya guru kerana dalam sehari guru terpaksa berdepan dengan pelbagai kerenah pelajar yang adakalanya menguji kesabaran dan tidak dapat

ditanggung kudrat guru. Ibu bapa iaitu orang yang paling dekat dengan anak-anak perlu memainkan peranan. Ibu bapa perlu mengajar anak-anak supaya berpegang teguh dengan agama yang dianuti. Tidak kira agama apa yang dianuti kerana setiap agama menyeru ke arah kebaikan.

Di samping itu, luangkan masa, walau sesibuk manapun untuk anak-anak kerana tiada harta yang lebih berharga daripada zuriat penyambung generasi. Bimbinglah anak-anak supaya mereka tidak tersalah pilih sahabat. Ini kerana pengaruh sahabat amat kuat. Elakkan daripada memberi galakan jika anak memilih artis sebagai idola kerana biasanya artis terlalu bebas. Jadikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau Datuk Azhar Mansor sebagai idola mereka.

Jika pelajar itu umat Islam, pilihlah kekasih Allah iaitu Nabi Muhammad SAW atau pejuang Islamiah yang lain seperti Umar Al-Khatab atau Fatima Az-Zahra, puteri Rasulullah sebagai idola. Tetapi jangan memaksa anak-anak memilih idola. Ibu-bapa hanya perlu memberi pandangan dan biarkan mereka memilih sendiri, selagi tidak membawa keburukan.

Masyarakat juga perlu menggembleng tenaga. Ajarlah dan bimbinglah pelajar. Berilah peluang, jika mereka ingin menyuarakan pendapat. Jangan menghalang walaupun boleh mencemarkan hidup masyarakat. Ia lebih baik daripada membiarkan pelajar membabitkan diri dalam kegiatan samseng yang bukan saja merosakkan diri mereka, malah negara. Jangan gelarkan mereka yang terbabit dalam salah laku sebagai 'budak jahat' tetapi berilah gelaran 'budak nakal' kerana usia mereka masih setahun jagung.

Salah laku pada mulanya, bukanlah suatu penyakit yang serius tetapi oleh kerana kita tidak menyuntik ubat, natiyahnya ia menjurus ke arah gengsterisme. Justeru, pelajar harus disedarkan dari tidur yang lena supaya memandang masa depan dan menjadi pemimpin berguna.